

55 bidang SKM diiktiraf diploma

TAIPING – Kementerian Sumber Manusia menyenarai pendek 55 bidang kemahiran peringkat Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap Empat untuk diiktiraf setaraf diploma bagi tujuan penyelarasan perjawatan sektor awam.

Timbalan Menteri, Datuk Maznah Mazlan berkata, senarai terbabit akan diserahkan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dalam masa terdekat.

“Setelah diluluskan JPA kelak, lepasan SKM bakal menikmati peluang pekerjaan dalam sektor awam dengan tangga gaji dan gred setaraf pemegang diploma.

“Tindakan ini selaras pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak semasa membentangkan Bajet 2010 lalu,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas mempengekus mesyuarat bersama 28 pengarah Ins-

titut Latihan Jabatan Tenaga Manusia seluruh negara di Pusat Latihan Teknologi Tinggi Taiping di sini semalam.

Maznah berkata, antara bidang kemahiran yang telah disenarai pendek itu ialah teknologi kimpalan, teknologi elektronik, teknologi pemesinan dan teknologi komputer.

Beliau berkata, pihaknya berharap penyelarasan perjawatan sektor awam terbabit dapat diselesaikan JPA selewat-lewatnya penghujung tahun ini.

Dalam pembentangan Bajet 2010 pada September lalu, Najib mengumumkan SKM Tahap Empat diiktiraf setaraf dengan diploma yang ditawarkan institusi pengajian tinggi awam.

Pengiktirafan itu bertujuan membuka peluang lebih luas kepada lepasan institut latihan itu untuk mendapatkan pekerjaan dalam sektor awam atau swasta.